



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA
APRIL 2026**

Indeks Pengeluaran Perindustrian mencatatkan pertumbuhan 8.2 peratus pada April 2026, dengan pertumbuhan tertinggi sejak September 2022 disokong oleh pengembangan dalam semua sektor

PUTRAJAYA, 12 JUN 2026 – Indeks Pengeluaran Perindustrian mencatatkan pertumbuhan 8.2 peratus tahun ke tahun pada April 2026, dengan pertumbuhan tertinggi sejak September 2022 disokong oleh pengembangan dalam semua sektor. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia April 2026** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mengekalkan pertumbuhan positif pada April 2026 dengan mencatatkan 8.2 peratus (Mac 2026: 3.1%). Pertumbuhan output dalam sektor Pembuatan merupakan penyumbang utama, dengan peningkatan sebanyak 8.3 peratus (Mac 2026: 5.5%) diikuti oleh pemulihan 6.8 peratus dalam pengeluaran sektor Perlombongan (Mac 2026: -6.5%). Pada masa sama, sektor Elektrik berkembang 10.5 peratus (Mac 2026: 4.8%) pada bulan berkenaan. Walau bagaimanapun, perbandingan bulan ke bulan, IPP mengalami penurunan 3.4 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan positif 9.3 peratus pada bulan sebelumnya. Kejatuhan ini disebabkan oleh penguncupan dalam sektor Pembuatan (-4.4%) dan Perlombongan (-1.6%), sementara itu sektor Elektrik bertumbuh sebanyak 2.1 peratus.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Output berorientasikan eksport yang menyumbang dua pertiga daripada sektor Pembuatan berkembang sebanyak 8.5 peratus pada April 2026 berbanding 6.7 peratus yang dicatatkan pada bulan

sebelumnya. Pengembangan ini disokong terutamanya oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal yang mengekalkan pertumbuhan dua digit iaitu 14.6 peratus; dan diikuti oleh Pembuatan kok & produk petroleum bertapis sebanyak 4.2 peratus. Selain itu, Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan turut menyokong pertumbuhan ini dengan mencatatkan 9.3 peratus. Pertumbuhan tahun ke tahun ini dicerminkan oleh prestasi eksport barangan perkilangan negara yang meningkat 11.7 peratus pada April 2026. Perbandingan dengan Mac 2026, industri berorientasikan eksport menyusut 8.7 peratus selepas merekodkan positif 11.9 peratus pada bulan sebelumnya.

Pada masa sama, pertumbuhan pengeluaran industri berorientasikan domestik meningkat 8.0 peratus pada April 2026 berbanding 2.8 peratus pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan positif ini dipacu oleh Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler yang mencatatkan prestasi memberangsangkan iaitu 13.5 peratus; dan pertumbuhan 8.6 peratus dalam Pembuatan produk prosesan makanan. Tambahan pula, terdapat peningkatan dalam pengeluaran output pembuatan berkaitan aktiviti pembinaan iaitu Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan (5.8%); dan Pembuatan produk galian bukan logam lain (6.7%). Berbanding dengan Mac 2026, industri berorientasikan domestik meningkat 5.3 peratus daripada 1.4 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Kenaikan 6.8 peratus dalam sektor Perlombongan pada April 2026 didorong oleh pertumbuhan kukuh dalam output Gas Asli iaitu 16.6 peratus (Mac 2026: -3.4%). Sementara itu, pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat merekodkan penurunan 6.4 peratus (Mac 2026: -11.3%). Berbanding bulan sebelumnya, indeks Perlombongan berkurang 1.6 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan positif 12.3 peratus meningkat pada bulan terdahulu. Selain itu, penjanaan Elektrik berkembang 10.5 peratus tahun ke tahun pada April 2026 (Mac 2026: 4.8%). Berasaskan bulan ke bulan, indeks Elektrik bertumbuh 2.1 peratus (Mac 2026: 12.0%).”

Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara meningkat pada April 2026 termasuk Singapura (17.6%); Amerika Syarikat (1.4%); dan Vietnam (9.3%); dengan pertumbuhan lebih perlahan direkodkan di Jepun (2.3%); China (4.1%); Taiwan (14.2%); dan diikuti oleh Korea Selatan (1.5%). Sebaliknya, Thailand mengalami kemerosotan 0.4 peratus pada bulan ini.

Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi empat bulan pertama pada tahun ini (Januari – April 2026), Ketua Perangkawan berkata, “IPP meningkat 5.0 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2025 dengan menunjukkan pengembangan dalam indeks sektor Pembuatan pada 6.3 peratus dan indeks Elektrik iaitu 6.5 peratus, sementara indeks Perlombongan mencatatkan penurunan 0.6 peratus.”


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026

bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia, April 2025 - April 2026




Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia April 2025 - April 2026




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Mac 2026 dan April 2026**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, April 2025 - April 2026



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Mac 2026 dan April 2026



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Mac 2026 dan April 2026



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 JUN 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA APRIL 2026

The Industrial Production Index registered growth of 8.2 per cent in April 2026, with marked the highest growth registered since September 2022 bolstered by the expansion across all sectors

PUTRAJAYA, JUNE 12, 2026 – The Industrial Production Index registered growth of 8.2 per cent year-on-year in April 2026, with marked the highest growth registered since September 2022 bolstered by the expansion across all sectors. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, April 2026**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, "The Industrial Production Index (IPI) remained positive in April 2026, registering a growth of 8.2 per cent (March 2026: 3.1%). The output growth in the Manufacturing led the way, with an increase of 8.3 per cent (March 2026: 5.5%) coupled with the turnaround to 6.8 per cent in the production of the Mining sector (March 2026: -6.5%). In the meantime, the Electricity sector expanded by 10.5 per cent (March 2026: 4.8%) during the month. However, on a month-on-month basis, the IPI experienced a contraction by 3.4 per cent after registering a positive 9.3 per cent growth in the previous month. The downturn was due to a decline in the Manufacturing (-4.4%) and Mining (-1.6%) sectors, while Electric grew by 2.1 per cent."

The Chief Statistician further commented, "The output for the export-oriented industries which accounted for two-thirds of Manufacturing sector, expanded by 8.5 per cent in April 2026 as compared to 6.7 per cent registered in the previous month. The expansion was supported mainly by the Manufacture of computer, electronics & optical products which remained double-digit growth by 14.6 per cent; and followed by the Manufacture of coke & refined petroleum products at 4.2 per cent. Additionally,

Manufacture of vegetable & animal oils & fats also supported the growth at 9.3 per cent. This year-on-year growth is reflected in the country's manufactured goods exports performance, which increased by 11.7 per cent in April 2026. Compared to March 2026, the export-oriented industries decreased by 8.7 per cent after recording a positive 11.9 per cent growth in the previous month.

In the meantime, the domestic oriented industries increased by 8.0 per cent in April 2026, compared to 2.8 per cent in the previous month. This positive growth was driven by Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers which registered a vigorous performance of 13.5 per cent and a 8.6 per cent growth in Manufacture of food processing products. Additionally, there was an increase in the production of manufacturing output related to construction activities namely the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (5.8%); and Manufacture of other non-metallic mineral products (6.7%). In comparison with March 2026, the domestic oriented industries increased by 5.3 per cent from 1.4 per cent recorded in the previous month."

Elaborating further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The uptick of 6.8 per cent in the Mining sector in April 2026 was due to a robust growth in Natural Gas output by 16.6 per cent (March 2026: -3.4%). Meanwhile, the Crude Oil & Condensate production recorded a decrease of 6.4 per cent (March 2026: -11.3%). As compared to the previous month, the Mining index decreased by 1.6 per cent after registering a positive growth of 12.3 per cent rise in the preceding month. Moreover, the generation of Electricity expanded by 10.5 per cent year-on-year in April 2026 (March 2026: 4.8%). On a month-on-month basis, the Electricity index grew by 2.1 per cent (March 2026: 12.0%)."

On a global scale, the IPI for several countries increased in April 2026, including Singapore (17.6%); United States (1.4%); and Vietnam (9.3%); with slower growth seen in Japan (2.3%); China (4.1%); Taiwan (14.2%); and followed by South Korea (1.5%). Conversely, Thailand experienced a downturn 0.4 per cent during this month.

Summarising his statement on the IPI performance for the first four months of this year (January – April 2026), the Chief Statistician said, "The IPI increased by 5.0 per cent compared to the same period in 2025, with the Manufacturing sector indices showing an expansion of 6.3 per and Electricity sector at 6.5 per cent, while the Mining index showed a decrease of 0.6 per cent."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch

(ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia, April 2025 – April 2026




Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia April 2025 – April 2026




Chart 3: Manufacturing Index Growth by Sub-sector, Malaysia, March 2026 and April 2026




Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, April 2025 – April 2026




Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia,

March 2026 and April 2026





Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia, March 2026 and April 2026



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 JUNE 2026**